

HARI MINGGU BIASA KE-30 (B)

Yeremia 31:7-9; Mazmur 125 (126): R/ v. 3; Ibrani 5:1-6;
Markus 10:46-52

Tema: KITA DI SELAMATKAN OLEH IMAN DALAM YESUS KRISTUS

1. Hari ini adalah Hari Minggu Biasa ke-30, Tahun Liturgi B. Bacaan-bacaan hari ini memberitahu kita bahawa kita diselamatkan oleh iman dalam Yesus Kristus! Injil hari ini memberitahu kita bahawa seorang buta telah menghampiri Yesus untuk disembuhkan dari kebutaannya. Dia telah berseru dua kali, "Putera Daud, kasihanilah aku." "Putera Daud" adalah gelaran Misianik! Orang buta itu telah mengakui Yesus adalah Mesias!

Tetapi yang penting lagi, Injil memberitahu kita bahawa Yesus menyembuh mata orang yang buta itu dengan perkata: "Pergilah, imanmu telah menyelamatkan dikau!" Dan orang buta itu dengan segera dapat melihat dan dia mengikuti Yesus dalam perjalanan-Nya.

Orang buta itu dapat melihat dengan mata iman dan dia mengikuti Yesus dalam perjalanan-Nya ke Yerusalem untuk menderita, mati dan bangkit dari kematian. (NJBC; IBC; Fuller; Faley) Kedua belas murid Yesus tidak dapat melihat dengan mata iman dan mereka tidak dapat mengikuti Yesus ke Yerusalem untuk sengsara, mati dan bangkit dari kematian. Kedua belas murid Yesus mahu duduk di sebelah kiri dan kanan Yesus dalam kemuliaan-Nya, tetapi mereka tidak mahu mengikuti Yesus ke Yerusalem menuju kepada Kesengsaraan-Nya; walaupun selepas Yesus telah mengajar mereka kali ketiga bahawa Dia harus sengsara, mati dan bangkit pada hari ketiga! (Markus 20:32-45; Minggu lepas).

Sekali lagi, kita diselamatkan oleh iman dalam Yesus Kristus!

2. Bacaan pertama menuruti tema Injil. Bacaan pertama memberitahu kita mengenai penyelamatan dalam Yesus Kristus. Bacaan pertama memberitahu kita mengenai kepulangan dari pembuangan Babilonika. Ini adalah Keluaran kedua, Keluaran baru, lebih penting dari Keluaran pertama! Dengan itu kita baca bacaan pertama:

“‘Tuhan telah menyelamatkan umat-Nya, yakni sia-sisa Israel!’ Sesungguhnya, Aku akan membawa mereka dari tanah utara dan akan mengumpulkan mereka dari hujung bumi; di antara mereka ada orang buta dan lumpuh, ada perempuan yang mengandung bersama-sama dengan perhimpunan yang melahirkan; dalam kumpulan besar mereka akan kembali ke mari!” (Yer 31:7-8; SM)

Sekali lagi, Keluaran kedua dan baru ini akan hanya dengan seluruhnya dan akhir sekali di penuhi dalam penebusan Yesus Kristus!

3. Mazmur antarbacaan menuruti tema bacaan pertama. Mazmur antarbacaan juga memberitahu kita mengenai kepulangan dari pempungan di Babilonika. Mazmur antarbacaan memberitahu kita bahawa umat israel bergembira bahawa mereka sudah kembali ke Sion! (CSB) Justru itu kita baca dalam rangkap pertama dan kedua dari Mazmur antarbacaan.

Ketika Tuhan memulangkan tawanan Sion, kita sepeerti orang yang bermimpi. Pada waktu itu mulut kita penuh dengan tertawa, dan lidah kita dengan sorak-sorai.

Bahkan bangsa-bangsa kafir megakui, 'Agunglah karya Tuhan bagi mereka.' Sungguh agung karya Tuhan bagi kita, sebab itu kita beersukacita.

Dan dengan itu sahutan kepada mazmur antarbacaan:

“Sungguh agung karya Tuhan bagi kita, sebab itu kita bersukacita.” (Mzm 125 (126): 3; SM)

Sekali lagi, bacaan kedua dan Keluaran baru akan hanya dipenuhi dalam penyelamatan oleh Yesus Kristus.

4. Bacaan kedua memberitahu kita bahwa imam ketua agama telah dilantik oleh Allah untuk persembahkan korban pepulih dosa, untuk dosanya sendiri dan untuk dosa orang lain. Ketua iman tidak memilih dirinya sendiri tetapi dipilih oleh Allah. Dengan cara yang sama Yesus tidak memilih diri-Nya sendiri, tetapi Dia telah dipilih oleh Allah Bapa-Nya untuk menjadi ketua iman. Keimaman Yesus Kristus adalah imam kepada Melkisedek, seperti Melkisedek, Yesus tidak mempunyai bapa dan ibu duniawi; Dia tidak mempunyai permulaan dan akhir. Dia adalah Putera Allah. (Ibrani 7:3) Dia adalah tanpa dosa dan Dia menawarkan diri-Nya sebagai korban pepulih dosa. Dia melakukan sekali dan untuk selama-lamanya. Hanya Dia sahaja seorang yang dapat menyelamatkan kita dari dosa! Sekali lagi, kita diselamatkan oleh iman dalam Yesus Kristus!

5. Tema iman dalam Injil hari ini sungguh berkaitan untuk kita hari ini, sebab, Bapa Suci, Paus Benediktus XVI melancarkan Tahun Iman! Tahun Iman dilancarkan pada 11hb Oktober 2012 dan ia akan berakhir pada 24hb November 2013. Tahun iman bertepatan dengan Ulang Tahun ke-50 Vatikan Konsili Kedua dan Ulang Tahun ke-20 Katekismus Gereja Katolik (KGK)! Dalam masa Tahun Iman kita diminta mengemaskini dan membaharui iman kita dengan dokumentasi Vatikan Konsili Kedua dan Katekismus Gereja Katolik.

Kita belum lagi melancarkan Tahun Iman di dalam Diosis dan paroki kita, tetapi kita mesti melakukan sesuatu dengan segera. Kita harus membeli Katekismus Gereja Katolik untuk rumah kita, sekolah kita, kolej-kolej, universiti, KED (Komuniti Eklisial Dasar), pejabat kita, Sekolah minggu, komuniti-komuniti kita, dll.! Dan kita mesti kongsi dan berdoa Katekismus Gereja Katolik bersama keluarga kita, guru-guru kita, murid-murid kita, pekerja kita, kawan-kawan kita, komuniti-komuniti kita, katekumen kita, dll. Pendeknya, kita harus membaharui iman kita dan berkongsi iman kita dengan orang lain! Ucapan selamat berhari minggu yang bahagia dan sukacita serta berhasilnya Tahun Iman.

Amen!

Cadangan soalan untuk renungan perseorangan dan perkongsian dalam keluarga, dalam kumulan kecil, dan kumpulan komuniti-komuniti yang kecil:

1. Apakah kamu mempunyai iman orang buta itu untuk mengikuti Yesus dalam Perjalanan ke Yerusalem untuk sengsara, mati dan bangkit dari maut pada hari ketiga? Apakah kamu mempunyai iman yang kecil seperti kedua belas para pengikut Yesus yang hanya mahu duduk disebelah kiri dan kanan Yesus dalam kemuliaan-Nya?

2. Bagaimanakah kamu membaharui dan berkongsi iman kamu dalam Tahun Iman ini? Adakah kamu menggunakan Katekismus Gereja Katolik (KGK) untuk membaharui dan berkongsi dengan orang lain.

Laman Web (Homili yang ditaip dan audio sila layari): <http://frnick.net>

Rujukan: New Jerome Biblical Commentary (NJBC); International Bible Commentary (IBC); Catholic Study Bible (CSB); Sunday Missal (SM).